

28 NOV 1999

Mahathir-Mandat

TIDAK RUGI BN TERUS DIBERI MANDAT PERINTAH NEGARA, KATA DR MAHATHIR

ALOR SETAR, 28 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pengundi tidak akan rugi sekiranya sekali lagi memberikan mandat kepada Barisan Nasional (BN) untuk menubuhkan kerajaan.

"BN mampu melaksanakan janji-janjinya dan berupaya untuk membangun dan memajukan negara," katanya dalam amanat khas yang disiarkan melalui Radio Malaysia dari Jitra hari ini.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata beliau percaya rakyat akan cukup bijak memilih BN kerana ia mempunyai banyak lagi rancangan untuk membangunkan negara supaya pada tahun 2020, Malaysia akan menjadi sebuah negara maju.

Beliau yakin BN akan memperolehi majoriti dua pertiga, malahan lebih daripada itu di Dewan Rakyat pada pilihan raya umum ke-10 ini.

"Saya percaya pengundi akan mengundi BN kerana ia mempunyai rekod yang cemerlang," katanya.

Dr Mahathir berkata antara kejayaan utama kerajaan BN ialah mengaman dan menstabilkan sebuah negara yang penduduknya terdiri daripada berbilang kaum yang menganuti pelbagai agama, mengamalkan budaya yang berlainan dan bertutur bahasa yang berbeza.

"Bukanlah sesuatu yang mudah dilakukan tetapi di Malaysia, hubungan antara kaum adalah baik dan tiada rusuhan kaum berlaku ketika negara menghadapi kegawatan ekonomi baru-baru ini.

"Kita dapat memajukan negara sehingga keadaannya sekarang jauh berbeza daripada semasa ia mencapai kemerdekaan," katanya.

Sebagai mengukur kemajuan Malaysia dalam tempoh 42 tahun ini, Perdana Menteri berkata pendapatan per kapita rakyat pada 1957 hanya AS\$300 tetapi hari ini ia meningkat kepada AS\$3,800.

"Oleh kerana barangan di Malaysia begitu murah, sebenarnya nilai AS\$3,800 ini samalah dengan AS\$8,000. Inilah bukti kemajuan di Malaysia," jelasnya.

Dr Mahathir berkata dengan kerjasama dan kebolehan rakyat, kerajaan BN berupaya menjayakan pelbagai rancangan yang tidak mudah dilaksanakan termasuk memulihkan ekonomi negara setelah ia diserang penyangak matawang tanpa perlu meminta pertolongan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) seperti yang dilakukan sesetengah negara.

Malaysia tidak memohon bantuan luar sebaliknya mencari jalan sendiri melalui dasar-dasar yang digubal sendiri untuk menyelesaikan masalah itu dan hari ini dunia mengiktiraf kejayaan Malaysia memulihkan ekonomi sehingga lebih pesat tanpa mendapat bantuan asing, katanya.

Pada persidangan berita kemudiannya, Perdana Menteri berkata BN tidak bimbang untuk memenangi pilihan raya ini walaupun kemungkinan ada sedikit kecacatan pada senarai pemilih.

"Kami menang pilihan raya (yang lepas) bukan kerana kecacatan pada senarai pemilih tetapi rekod cemerlang kami," katanya semasa mengulas mengenai dakwaan berlakunya kecacatan pada senarai pemilih untuk pilihan raya umum ke-10 ini termasuk di kawasan Parlimennya Kubang Pasu.

Dr Mahathir berkata sesiapa pun boleh mengemukakan di mahkamah sebarang kecacatan yang didakwa berlaku dan BN sendiri boleh membuktikan banyak kawasan di Kelantan terdapat ramai pengundi yang didaftarkan di bawah satu alamat. Beliau mendakwa perkara itu dilakukan oleh PAS.

"Mereka memindahkan sesetengah daripada pengundi saya ke kawasan lain kerana mereka fikirkan mereka tidak boleh menang di sini," katanya.

Dr Mahathir berkata pembangkang telah membawa pengundi mereka ke kawasan yang marginal untuk memastikan mereka menang.

Katanya beliau bimbang dengan tindakan seumpama ini kerana sesebuah parti tidak patut bergantung kepada perkara sebegini untuk memenangi pilihan raya.

Ditanya oleh seorang wartawan asing sama ada beliau boleh memberikan buktinya kepada akhbar, Perdana Menteri berkata: " Kami tidak terikat untuk memberikannya kepada kamu. Kami akan membuat laporan kepada Suruhanjaya Pilihanraya apabila kami mempunyai fakta-faktanya tetapi ia mengambil masa untuk melaporkannya kepada suruhanjaya kerana ia tidak mahu orang main-main dengan isu sedemikian."

Kemudian semasa ditanya wartawan yang sama ada isu Datuk Seri Anwar Ibrahim telah menjejaskan popularitinya (Dr Mahathir), beliau berkata: "Saya tidak mahu jawab soalan sebegini itu."

Apabila wartawan itu berkata beliau hanya bertanyakan soalan, Dr Mahathir berkata: "Ia bukannya soalan. Ia satu kenyataan yang dibuat oleh kamu kerana kamu sudahpun ada mempunyai ini dalam fikiran kamu.

"Kamu akan berkata pilihan raya ini tidak adil kepada pembangkang dan kerana itu parti kerajaan menang. Kamu tidak akan terima keputusan yang ditunjukkan oleh pengundi."

Dr Mahathir kemudian meminta wartawan itu mengulangi soalnya yang kemudian dijawabnya: "Tidak."

Perdana Menteri juga menggesa "mereka yang di atas pagar" supaya keluar dan mengundi BN esok.

-- BERNAMA

JM/AFY JK RON